



GEMPA BUMI SEGAMAT, JOHOR

FAKTA DAN ANGKA

KRONOLOGI KEJADIAN GEMPA BUMI DI SEGAMAT, JOHOR

24 OGOS 2025



Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) melaporkan bahawa satu gegaran gempa bumi lemah bermagnitud 4.1 telah berlaku di daerah Segamat, Johor pada pukul 6.13 pagi. Gegaran tersebut turut dirasakan di beberapa kawasan berdekatan termasuk Melaka, Negeri Sembilan dan selatan Pahang.

Sekitar 9.00 pagi, dua lagi gegaran dikesan melibatkan daerah Kluang dan Segamat. Kejadian di Kluang direkodkan bermagnitud 2.8 pada jarak kira-kira 28 kilometer barat laut daerah tersebut.



27 OGOS 2025



Satu lagi gempa bumi lemah berukuran 3.2 magnitud berlaku di Segamat sekitar jam 8.59 pagi pada kedudukan kira-kira 18 kilometer selatan Segamat dengan kedalaman 10 kilometer. Gegaran ini turut dirasakan beberapa kawasan di Johor dan selatan Pahang.

28 OGOS 2025



Gempa bumi lemah berukuran 2.5 magnitud dikesan di Segamat pada kedudukan kira-kira 13 kilometer utara Segamat dengan kedalaman 10 kilometer pada jam 7.56 petang.

29 OGOS 2025



Pada 4.24 pagi, satu lagi gempa bumi lemah berukuran 3.4 magnitud berlaku di Segamat pada kedudukan kira-kira 22 kilometer timur laut Segamat, dengan kedalaman 10 kilometer.

30 OGOS 2025



Segamat kembali dikejutkan dengan gegaran gempa bumi lemah berukuran 2.7 magnitud pada 7.29 pagi. METMalaysia menegaskan bahawa semua siri gegaran tersebut adalah gempa bumi lemah dan tidak mendatangkan sebarang ancaman tsunami.

31 OGOS 2025



Pada 1.57 petang, gempa bumi kecil bermagnitud 2.9 dikesan di perairan Johor Barat berhampiran Batu Pahat. Gegaran berlaku di laut dan magnitud bawah 3.0 tidak signifikan sekiranya tiada gegaran dirasakan di daratan.

3 SEPTEMBER 2025




Gempa bumi lemah bermagnitud 2.9 telah berlaku di Sri Medan, Parit Sulong, Batu Pahat pada 6.39 petang. Pusat gegaran tersebut berada pada kedalaman 10 km. Tiada kerosakan atau gegaran kuat dilaporkan.

Sumber: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/08/24/gempa-bumi-41-magnitud-di-segamat-gegaran-turut-dirasai-di-negeri-sembilan-pahang>
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1258836/gempa-bumi-kecil-landa-johor-lagi-namun-tiada-gegaran?source=widge>
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gempa-bumi-lemah-29-magnitud-dikesan-di-sri-medan-batu-pahat-537065>



KAWASAN TERLIBAT GEMPA BUMI 24 OGOS 2025 - 3 SEPTEMBER 2025



Sumber: <https://mygems.img.gov.my/portal/apps/webappviewer/index.html?id=b-1028e7c9ec34862b2a0a2b603bed06&extent=-11344990,7119%2C199144,0898%2C11601819,1269%2C335202,0002%2C102100>



PERSPEKTIF GEOLOGI KEJADIAN GEMPA BUMI DI SEGAMAT

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia merujuk kepada rekod Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) berhubung kejadian gempa bumi yang berlaku di Segamat, Johor pada 27 Ogos 2025. Menurut maklumat METMalaysia, gegaran direkodkan pada jam 8.59 pagi dengan magnitud 3.2 Richter. Pusat gempa dianggarkan terletak kira-kira 18 kilometer di selatan Segamat.

Malaysia terletak di atas Plat Sunda yang relatif stabil, namun menerima pengaruh tekanan daripada sistem tektonik serantau, khususnya Jalur Subduksi Sunda di barat Sumatera. Tekanan ini berpotensi mengaktifkan semula sesar-sesar di Semenanjung Malaysia dan boleh menghasilkan gempa bumi bersaiz kecil hingga sederhana.

Semakan awal peta seismotektonik menunjukkan pusat gempa Segamat berada berhampiran lanjutan Sesar Mersing yang berorientasi barat-barat laut hingga timur tenggara. Analisis awal seismologi mendapati gempa bumi ini berpunca daripada pergerakan sesar mendatar sinistral, iaitu blok kerak bumi di utara sesar, bergerak ke arah barat manakala blok di selatan sesar, bergerak ke arah timur. Kejadian ini menunjukkan berlakunya pengaktifan semula sesar berkenaan. Kedalaman gempa cetek (± 10 km) mengesahkan ia berpunca daripada pergerakan kerak benua, bukan aktiviti gunung berapi atau subduksi laut dalam.

Sejarah kejadian gempa bumi di Semenanjung Malaysia turut merekodkan beberapa peristiwa terdahulu, antaranya di Bukit Tinggi, Pahang; Kenyir, Terengganu; Kuala Pilah, Negeri Sembilan; serta Manjung - Temenggor, Perak. Johor juga pernah mengalami gegaran kecil pada tahun 2021 dan 2023 yang berpunca daripada aktiviti seismik di luar pesisir Sumatera. Kesemua insiden, termasuk gempa di Segamat ini, menunjukkan plat benua Semenanjung masih menyimpan tenaga atau tegasan tektonik yang boleh dilepaskan dari semasa ke semasa dan menghasilkan pergerakan bumi.

**KENYATAAN AKHBAR: JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA (JMG)
27 OGOS 2025**



KRONOLOGI GEMPA BUMI DI MALAYSIA

1 5 Disember 2009
Janda Baik, Pahang
Magnitud **2.2**

2 26 Februari 2010
Lahad Datu, Sabah
Magnitud **3.1**

7 24 Jun 2019
Tongod, Sabah
Magnitud **4.1**

9 2 September 2021
Semporna, Sabah
Magnitud **3.2**

3 10 Mac 2010
Tasik Kenyir, Terengganu
Magnitud **2.6**

8 19 April 2021
Ranau, Sabah
Magnitud **2.8**

10 14 Ogos 2022
Kundasang, Sabah
Magnitud **3.1**


4 1 Februari 2014
Ranau, Sabah
Magnitud **4.8**

11 12 Oktober 2022
Kunak, Sabah
Magnitud **3.2**

5 5 Jun 2015
Ranau, Sabah
Magnitud **6.0**

12 20 April 2023
Beluran, Sabah
Magnitud **3.2**

6 16 September 2018
Persisiran Pantai
Kinabatangan
Magnitud **3.7**



SKALA GEMPA BUMI

A. SKALA KECIL

Magnitud 1
Gegaran tidak dirasai

Magnitud 2
Objek ringan tergantung akan bergoyang

Magnitud 3
Gegaran dirasai di dalam rumah dan bangunan




B. SKALA SEDERHANA

Magnitud 4
Pintu akan bergegar dan kaca akan berdenting

Magnitud 5
Gegaran dirasai semua penduduk

Magnitud 6
Kebanyakan orang berlari keluar daripada bangunan, siling retak, perabot bergerak



C. SKALA BESAR

Magnitud 7
Bangunan dan struktur kurang baik akan retak

Magnitud 8
Kerosakan pada bangunan yang mempunyai struktur kuat

Magnitud 9
Bangunan atau rumah berganjak daripada lokasi asal




Magnitud 10
Rumah dan bangunan musnah, rekahan dalam tanah




PROFIL DEMOGRAFI

TARIKH KEJADIAN: 24 OGOS – 3 SEPTEMBER 2025

MUKIM GEMEREH, SEGAMAT




MUKIM BULOH KASAP, SEGAMAT




PROFIL DEMOGRAFI

TARIKH KEJADIAN: 24 OGOS 2025

MUKIM BUKIT SERAMPANG, TANGKAK




MUKIM PALOH, KLUANG



PROFIL DEMOGRAFI


TARIKH KEJADIAN: 24 & 27 OGOS 2025

MUKIM KERATONG, ROMPIN



TARIKH KEJADIAN: 31 OGOS & 3 SEPTEMBER 2025

MUKIM SRI MEDAN, BATU PAHAT



Gempa bumi Segamat: Polis terima 3 laporan setakat ini

Aliax Abd Rani
am@hmetro.com.my



SUPERINTENDAN Ahmad Zamry Marisah. FOTO Ahmad Ismail.

Segamat: Polis mengesahkan pihak menerima tiga laporan setakat ini susulan kejadian gempa bumi lemah berkekuatan 4.1 magnitud yang berlaku di daerah ini, pagi tadi.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Ahmad Zamry Marisah, berkata laporan itu dibuat berkaitan kerosakan harta benda tanpa membabitkan kecederaan mahupun kemalangan jiwa.

Ahmad Zamry berkata, pemantauan berterusan akan dijalankan bagi memastikan keadaan di daerah ini selamat terutama untuk orang awam.

"Langkah ini diambil selaras dengan kenyataan media dikeluarkan Pegawai Daerah Segamat selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana dengan polis sebagai salah satu agensi penyelamat, sentiasa memantau situasi berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam.


Sumber:

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1256195/gempa-bumi-segamat-polis-terima-3-laporan-setakat-ini>

Gempa bumi lemah 3.2 magnitud dikesan di Segamat

WARTAWAN SINAR HARIAN [Follow](#)

27 Ogos 2025 11:43am
Masa membaca: 2 minit



Gempa bumi lemah berukuran magnitud 3.2 menggegarkan Johor pada jam 8.59 pagi Rabu. Foto MetMalaysia



Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

SHAH ALAM - [DIKEMAS KINI] Gempa bumi lemah berukuran 3.2 magnitud berlaku pada 8.59 pagi tadi di Segamat, Johor, dengan gegaran dilapor dirasai di beberapa kawasan di negeri ini serta selatan Pahang.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan memaklumkan gempa bumi itu berlaku di kira-kira 18 kilometer selatan Segamat, berpusat pada koordinat 2.33 darjah Utara dan 102.79 darjah Timur dengan kedalaman 10 kilometer.


Sumber:

<https://www.sinarharian.com.my/article/745310/berita/semasa/gempa-bumi-lemah-32-magnitud-dikesan-di-segamat>

MSTAR | SEMASA

Gempa bumi 4.1 magnitud di Segamat... Gegaran turut dirasai di Negeri Sembilan, Pahang

Ahad, 24 Ogos 2025 9:23 AM



Gegaran gempa bumi lemah bermagnitud 4.1 yang berlaku di Segamat, Johor, awal pagi Ahad.

GEGERAN gempa bumi lemah dilaporkan berlaku di beberapa lokasi sekitar daerah Segamat, Johor awal pagi Ahad.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), gegaran bermagnitud 4.1 itu berlaku kira-kira pukul 6.13 pagi.


Ketua Pengarah MetMalaysia, Dr Mohd Hisham Mohd Anip dalam kenyataan memaklumkan pusat gempa terletak lima kilometer barat Segamat pada kedalaman 10 kilometer.

Sumber:

<https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/08/24/gempa-bumi-41-magnitud-di-segamat-gegaran-turut-dirasai-di-negeri-sembilan-pahang>

Gempa bumi di Johor mungkin berlaku di Zon Sesar Mersing - KP NADMA

Oleh [Muhammad Hafis Nawawi](#) - September 2, 2025 @ 7:01am



KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menjangkakan kesemua kejadian gempa bumi berkemungkinan berlaku di Zon Sesar Mersing di Semenanjung Malaysia.

Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Datuk Abdul Halim Hamzah berkata, gegaran yang berlaku di Johor adalah gempa bumi lemah dan dijangka tidak memberi impak besar.

Beliau berkata, MET Malaysia merekodkan satu gempa bumi lemah bersama lima gempa bumi susulan (lemah) yang berlaku di sekitar kawasan Segamat, Johor dari 24 hingga kelmarin, bermagnitud 2.5 hingga 4.1.

"Gegaran turut dirasai di beberapa kawasan sekitar Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan Selatan Pahang untuk kejadian gempa bumi di Johor pada 24 Ogos lalu.

Sumber:

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1441068/gempa-bumi-di-johor-mungkin-berlaku-di-zon-sesar-mersing-kp-nadma>



Gegaran gempa bumi di Segamat tak babit kemalangan jiwa, kecederaan

GEGERAN GEMPA BUMI DI SEGAMAT TAK BABIT KEMALANGAN JIWA, KECEDEeraan

Admin UKK Berita 25 August 2025

JOHOR BAHRU: Gegaran gempa bumi lemah bermagnitud 4.1 yang melanda Segamat pagi tadi, tidak menyebabkan kerosakan harta benda, kecederaan atau kemalangan jiwa setakat ini.

Pegawai Daerah Segamat, Mohd Ezzuddin Sanusi, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Segamat berkata, gegaran berlaku pada 6.13 pagi dengan pusat gempa dikesan berhampiran Segamat.

Gegaran turut dirasakan sebahagian penduduk di daerah berkenaan dan beberapa kawasan di Johor, Negeri Sembilan, Melaka serta selatan Pahang.

"Sehingga kenyataan ini dikeluarkan, tiada laporan kerosakan harta benda, kecederaan mahupun kemalangan jiwa yang diterima," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, pihak berkuasa keselamatan dan agensi berkaitan memantau secara berterusan bagi memastikan keadaan di Segamat selamat.

Sumber: <https://www.nadma.gov.my/bi/media-en/news/5095-gegeran-gempa-bumi-di-segamat-tak-babit-kemalangan-jiwa-kecederaan>

[VIDEO] Gempa bumi kali ke-6, penduduk Segamat terdesak buat pelan kecemasan, Agong titah adakan solat hajat

Oleh ZIKRY MARZUKI

MASSA
Sabtu, 30 Ogos 2025
12:10 PM MYT



Enam siri gempa bumi sudah melanda Segamat sejak pertama kali ia berlaku pada 24 Ogos lepas. – Gambar hiasan

SEBANYAK enam siri gempa bumi melanda Segamat, Johor sejak kali pertama ia berlaku pada 24 Ogos lalu, termasuk yang terjadi pada Sabtu pagi sehingga mencetuskan kebanggaan dalam kalangan penduduk.

Meskipun kejadian tersebut hanya berskala kecil, orang ramai sudah tentu risau akan perkara tersebut kerana bencana alam sebegitu dikhuatiri akan menjadi lebih teruk.

Jadi, sebagai langkah kesiapsiagaan, rata-rata penduduk menyatakan mereka sudah menyediakan pelan kecemasan sendiri bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Sumber: <https://majortiti.com.my/berita/2025/08/30/video-gempa-bumi-kali-ke-6-penduduk-segamat-terdesak-buat-pelan-kecemasan-agong-titah-adakan-solat-hajat>



ABDUL HALIM ketika ditemui pemberita selepas Program Pengurusan Risiko Bencana Gempa Bumi Bersama Pemimpin Komuniti Daerah Segamat Tahun 2025 di Dewan Serbaguna Jaling Genuang, Segamat hari ini.

NEGARA

Nadma laksana latihan, simulasi hadapi gempa bumi

Oleh MOHD SHARKAWI LONDING 3 September 2025, 4:36 pm



SEGAMAT – Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) akan melaksanakan latihan dan simulasi bagi menghadapi bencana gempa bumi di daerah ini.

Ketua Pengarah Nadma, Datuk Abdul Halim Hamzah berkata, latihan dan simulasi itu akan dilaksana melibatkan agensi kerajaan termasuk bomba, polis dan komuniti setempat serta badan bukan kerajaan (NGO).

Sumber: <https://www.kosmo.com.my/2025/09/03/nadma-laksana-latihan-simulasi-hadapi-gempa-bumi/>

Gempa Bumi Segamat: Kos Baik Pulih Setengah Juta – Ahmad Maslan

08/09/2025 02:33 PM



Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan (kanan)

SEGAMAT, 8 Sept (Bernama) -- Sebanyak 15 bangunan kerajaan dikenal pasti mengalami kerosakan kecil dengan anggaran kos baik pulih berjumlah RM550,000, susulan gempa bumi lemah yang melanda daerah itu bermula 24 hingga 30 Ogos lepas.


Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Dr Ahmad Maslan berkata laporan itu hasil pemeriksaan Jabatan Kerja Raya (JKR) Segamat setakat 3 Sept lepas ke atas bangunan melibatkan Hospital Segamat, klinik Kesihatan Bandar Putra, Kolej Komuniti Segamat, Pejabat Kadi Daerah, sekolah-sekolah dan kuarters kerajaan.

"Kebanyakannya adalah keretakan sedia ada yang mengalami pertambahan kuantiti retak susulan gegaran gempa, kerosakan berimpak kecil dan tidak menjejaskan integriti struktur bangunan.

Sumber: <https://www.bernama.com/bn/am/news.php?id=2465075>



PORTAL DAN DASHBOARD: MEDIUM SEBARAN STATISTIK



OpenDOSM




MyAgeing Dashboard




MyLocal Stats




SDG




MyDemography



Portal MyGEMS



Portal METMalaysia



Portal Bencana NADMA

